



ADNAN Yaakob (tengah) menyampaikan anugerah dalam kategori tokoh dan paten kepada Abdul Syukor Abd Razak (kiri) sambil diperhatikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam Malam Anugerah Cendekia Bitara UMP 2013 di Kuantan, baru-baru ini. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Pensyarah Kanan UMP terima anugerah kategori tokoh, paten

KUANTAN 13 Mei - Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Abdul Syukor Abd. Razak menerima dua anugerah pada Malam Anugerah Cendekia Bitara UMP 2013 yang diadakan di Hotel Zenith di sini baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah dalam kategori tokoh dan paten sebagai sumbangan serta pencapaian cemerlangnya dalam aktiviti penyelidikan, pengkomersialan, kreativiti dan inovasi di universiti berkenaan.

Abdul Syukor membawa pulang hadiah berupa wang RM10,000 berserta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Pensyarah Kanan FKASA itu melahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih atas kepercayaan

UMP dengan memberinya banyak peluang terutama sokongan dalam menghasilkan produk penyelidikan dan pengkomersialan.

"Kejayaan ini datang dengan satu tanggungjawab besar dalam menggalas usaha bagi memastikan produk yang dihasilkan dapat dikomersialkan dan dimanfaatkan oleh semua orang.

"Saya berharap, kejayaan ini dapat memberi suntikan semangat dalam kalangan penyelidik untuk terus berusaha menghasilkan kajian dan penyelidikan yang mampu memberi impak yang berkualiti tinggi serta diiktiraf dunia," katanya di sini.

Abdul Syukor kini giat mengkomersialkan tiga produk di bawah Pejabat Perindustrian Teknologi (TTO) di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dengan jenama Pisoptera, Phylogen dan Wasra.

Beliau menerima pelbagai anugerah akademik dan penyelidikan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa seperti *Most Innovative Award di Bio-Malaysia 2008*, *Green Technology Award 2010* dan *Anugerah Presiden Korean Invention and Intellectual Property Association (KIIPA)* di Korea.

Korean Invention News (KINEWS) juga menobatkan Abdul Syukor sebagai *World Inventor Order of Merit Award 2013* di atas usahanya dalam memartabatkan produk penyelidikan yang berdaya saing dalam merealisasikan visi dan misi UMP untuk menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

Abdul Syukor juga merupakan satu-satunya anak Melayu Malaysia pertama yang berjaya mendapat anugerah tertinggi dalam *World Inventor Award Festival* yang berlangsung di Korea Selatan tahun lalu.